

PERATURAN PERMAINAN KARATE

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

- 1.1.1 Selain daripada peraturan – peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang – undang 'World Karate Federation (WKF) @ Malaysia Karate Federation (MAKAF).
- 1.1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang – undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.1.3 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang – undang *World Karate Federation (WKF) @ Malaysia Karate Federation (MAKAF)*.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

- 1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

- 2.1.1 Kejohanan Terbuka Antara Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Setiap IPT @ pasukan hanya boleh mendaftar **satu pasukan sahaja**.
- 2.1.2 Sesuatu acara hanya akan dijalankan atau diadakan sekiranya terdapat **minima 8 peserta** individu / pasukan berlainan yang mengambil bahagian.

2.2 Sistem Pertandingan

- 2.2.1 Pertandingan Kumite dan Kata akan dijalankan mengikut sistem repechage seperti peraturan WKF (Peraturan Semasa) @ MAKAF.
- 2.2.2 Masa Pertandingan: Bagi acara Individu **KUMITE** Lelaki dan Wanita adalah **3 minit**. Untuk pertandingan kategori **KATA** akan dijalankan mengikut **POINT sistem**.

2.3 Taklimat Pengurus Pasukan

- 2.3.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) atau dua (2) hari sebelum pertandingan dijalankan.

2.3.2 Penukaran atau penambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan **TIDAK DIBENARKAN**.

2.3.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

2.4 Acara / Kategori yang dipertandingkan.

2.4.1 KATA - Individu / Berpasukan

2.4.2 KUMITE - Individu / Berpasukan

2.4.3 Kategori Lelaki

1.	KATA Individu Lelaki
2.	KATA Berpasukan Lelaki
3.	- 55 kg
4.	- 60 kg
5.	- 67 kg
6.	- 75 kg
7.	- 84 kg
8.	+ 84 kg
9.	KUMITE Berpasukan Lelaki

2.4.4 Kategori Wanita

1.	KATA Individu Wanita
2.	KATA Berpasukan Wanita
3.	- 50 kg
4.	- 55 kg
5.	- 61 kg
6.	- 68 kg
7.	+ 68 kg
8.	KUMITE Berpasukan Wanita

2.4.5 Acara Individu

2.4.5.1 Acara Kata Individu (Lelaki & Wanita):

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar **SEORANG SAHAJA** peserta lelaki dan seorang peserta wanita di dalam setiap **KATEGORI** yang dipertandingkan.

2.4.5.2 Acara Kumite Individu (Lelaki & Wanita):

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar **SEORANG SAHAJA** peserta lelaki dan seorang peserta wanita di dalam setiap **KATEGORI** yang dipertandingkan.

2.4.6 Acara Berpasukan :

2.4.6.1 Acara KUMITE Berpasukan:

2.4.6.1.1 Satu pasukan Lelaki hendaklah mengandungi sekurang-kurang **LIMA** (5) orang dan selebihnya **TUJUH** (7) peserta.

2.4.6.1.2 Satu pasukan Wanita hendaklah mengandungi sekurang-kurang **TIGA** (3) orang dan selebihnya **EMPAT** (4) peserta.

2.4.6.2 Acara KATA Berpasukan (Lelaki & Wanita)

2.4.6.2.1 Satu pasukan Lelaki dan satu pasukan wanita hendaklah mengandungi **TIGA** (3) orang peserta.

2.4.7 Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI		JUMLAH
	LELAKI	WANITA	LELAKI	WANITA	
Individu dan Berpasukan	13	10	3	3	29

2.5 Timbang Berat

2.5.1 Proses rasmi timbang berat akan diadakan pada setiap hari pertandingan mengikut kategori yang dipertandingkan pada hari tersebut. Sekiranya peserta gagal mengekalkan berat badan di dalam kategorinya, peserta berkenaan secara automatik tersingkir dari menyertai pertandingan ini.

2.6 Borang Pengesahan Perubatan

- 2.6.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian adalah digalakkan untuk mengambil dan menguruskan insuran kemalangan, kecacatan anggota dan proses baik pulih untuk peserta.
- 2.6.2 Setiap peserta adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengisi dan menyerahkan Borang Pengesahan Perubatan kepada Jawatankuasa Pengelola yang disahkan oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai yang setaraf dengannya sebelum pertandingan bermula.
- 2.6.3 Peserta yang gagal untuk mengisi dan menyerahkan Borang Pengesahan Perubatan yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan atau Pegawai yang setaraf dengannya kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan bermula **TIDAK DIBENARKAN** bertanding.

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Pakaian dan Peralatan Pertandingan

- 3.1.1 Rujuk Undang – undang WKF (Peraturan Semasa) @ MAKAF.
- 3.1.2 “**Mitts**” yang diluluskan oleh WKF @ MAKAF (seorang peserta memakai merah & seorang warna Biru).
- 3.1.3 Pelindung Badan dan Mulut (*Mouth Guard*).
- 3.1.3.1 ‘*Gum Shield*’.
- 3.1.3.2 Pelindung Badan bagi lelaki dan wanita (*Body Protector*) yang diluluskan oleh WKF @ MAKAF.
- 3.1.3.3 Pelindung Dada bagi wanita (*Female Chest Protector*) yang diluluskan oleh WKF @ MAKAF.
- 3.2.4 Pelindung Betis (*Shin Pad*) yang diluluskan oleh WKF @ MAKAF (seorang peserta memakai warna merah & seorang warna Biru).
- 3.2.5 Pelindung Kaki (*Foot Protector*) yang diluluskan oleh WKF @ MAKAF (seorang peserta memakai warna merah & seorang warna Biru).
- 3.2.6 Antara peralatan yang berkaitan dengan karate dan tidak dinyatakan hendaklah di rujuk dalam Undang – undang WKF (Peraturan Semasa) @ MAKAF.

4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
LELAKI						
Kata Berpasukan	1	3	1	3	1	3
Kata Individu	1	1	1	1	1	1
Kumite Berpasukan	1	7	1	7	2	14
Kumite Individu :						
-55kg	1	1	1	1	2	2
-60kg	1	1	1	1	2	2
-67kg	1	1	1	1	2	2
-75kg	1	1	1	1	2	2
-84kg	1	1	1	1	2	2
+84kg	1	1	1	1	2	2
WANITA						
Kata Berpasukan	1	3	1	3	1	3
Kata Individu	1	1	1	1	1	1
Kumite Berpasukan	1	4	1	4	2	8
Kumite Individu :						
-50kg	1	1	1	1	2	2
-55kg	1	1	1	1	2	2
-61kg	1	1	1	1	2	2
-68kg	1	1	1	1	2	2
+68kg	1	1	1	1	2	2
JUMLAH	17	30	17	30	30	52